

Ribuan banjiri PWTC dengar amanat Presiden UMNO

UM 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR 21 Jun — Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dibanjiri ribuan orang yang sebahagian besarnya datang untuk mendengar amanat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung UMNO ke-66, hari ini.

Keadaan bersesak-sesak berlaku sejak pukul 8.30 pagi walaupun Presiden UMNO itu hanya memulakan ucapannya pada pukul 10 pagi.

Beberapa pemerhati yang ditemui mengakui kehairahan orang ramai ke perhimpunan UMNO kali ini amat luar biasa pada ketika parti pembangkang terus menabur kebencian terhadap pucuk pimpinan UMNO dan kerajaan khususnya Dr. Mahathir.

Seorang pekerja swasta dari Hulu Langat, Ali Mohamad, 39, berkata, dia tidak menyangka apabila melihat terlalu ramai pengunjung yang bukan dari kalangan perwakilan yang datang ke perhimpunan UMNO kali ini.

“Walaupun pembangkang meneruskan kempen menghina Datuk Seri Dr. Mahathir ucapannya tetap disayangi kerana jasanya cukup besar,” katanya yang datang bersama isteri dan dua anaknya.

Pemerhatian Utusan mendapati sejourus selesai Dr. Mahathir memamatkan ucapannya, orang ramai berbaris dalam keadaan bersesak-sesak menunggu di luar pintu utama Dewan Merdeka untuk bersalaman dengan beliau.

Selain ribuan pemerhati, majlis

perasmian Perhimpunan Agung UMNO hari ini dihadiri oleh 2,027 perwakilan wakil kelab-kelab UMNO luar negara dan 100 pemerhati asing dari 19 buah negara termasuk negara Islam.

Majlis bermula dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memeriksa perbarisan anggota Briged Putra dan Briged Wanita diikuti dengan upacara menaikkan bendera parti.

Veteran

Sebelum itu, ketibaan Dr. Mahathir pada pukul 9 pagi disambut oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob, Naib-Naib Presiden, ahli-ahli Majlis Tertinggi dan veteran UMNO.

Ketibaannya diiringi dengan paluan rebana ubi oleh Pasukan Rebana Ubi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kompong oleh muda-mudi dari Kampung Changkat, Kuala Lumpur.

Sebelum ucapan Presiden Dr. Mahathir, Ketua Perhimpunan Pemuda UMNO, Datuk Yusoff Yusoff Yusoff dan Naib-Naib Presiden, Datuk Seri Rafidah Aziz telah memeriksa perbarisan 90 anggota Briged Putra dan Briged Wanita yang diketuai oleh Kapten (B) Suznan Saad.

Ini diikuti upacara menaikkan bendera parti dengan diiringi lagu UMNO, *Bersatu, Bersetia, Berkhidmat* dan *UMNO Teras Negara* yang

disampaikan oleh Kumpulan Koir Suara Emas UMNO.

Ketibaan Presiden dan ahli-ahli MT ke dalam Dewan Merdeka diberikan tepukan gemuruh oleh perwakilan dan pemerhati yang sedia menanti.

Tun Sulaiman Ninam Shah yang merupakan Pengerusi Tetap perhimpunan memulakan tugas dengan memberikan peringatan kepada perwakilan tentang tatacara mesyuarat termasuk peringatan kepada wartawan dan jurugambar bertugas.

Pengerusi Biro Agama UMNO, Tan Sri Abdul Hamid Othman kemudian memimpin bacaan doa diikuti dengan nyanyian lagu UMNO.

Ucapan

Majlis diteruskan dengan ucapan dasar Dr. Mahathir bertajuk *Melayu Mudah Lupa* yang berlangsung selama satu jam 57 minit iaitu ucapan paling lama pernah disampaikan oleh Presiden UMNO itu dan ia disiarkan secara langsung ke seluruh negara menerusi RTM.

Selepas ucapan dasar Presiden parti, perhimpunan diteruskan dengan perbahasan oleh wakil-wakil badan perhubungan UMNO negeri.

Pada sebelah malam, Dr. Mahathir juga meraikan para perwakilan dalam majlis jamuan Presiden di Dewan Pameran Tun Razak, PWTC.